

03 DEC 1999

Mahathir-Pertemuan

ABDULLAH, DR LING, KHALIL BERADA DI LANGKAWI TEMUI DR MAHATHIR

LANGKAWI, 3 Dis (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaacob kini berada di Langkawi dijangka menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Mereka dikatakan bertemu untuk berbincang mengenai barisan kabinet baru selepas pilihan raya umum ke-10 Isnin lepas.

Mereka dijangka akan bertemu di sebuah pusat peranginan di sini.

Abdullah, Dr Ling dan Khalil tidak mempunyai program rasmi di pulau ini sementara Dr Mahathir menghadiri Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi (LIMA '99) yang masuk hari keempat hari ini.

Dr Ling ketika ditemui Bernama enggan mengesahkan mengenai pertemuan itu.

"Saya akan berada di sini selama dua hari," katanya.

Menjawab satu soalan lain, Dr Ling berkata MCA akan akur kepada segala keputusan pucuk pimpinan Barisan Nasional berhubung kerusi Ketua Menteri Pulau Pinang memandangkan MCA kini mempunyai sembilan kerusi Dewan Undangan Negeri berbanding lapan kerusi yang dipegang Gerakan.

Ini berikutan anggota Dewan Undangan Negeri Gerakan bagi Bayan Lepas Lim Chien Aun dan Adun Datuk Keramat Lim Boo Chang, keluar parti Gerakan semalam dengan alasan tidak puashati dengan kepimpinan parti itu.

"MCA akan menurut apa jua keputusan Dr Mahathir sebagai Pengerusi BN kerana MCA merupakan parti yang berdisiplin dan berpegang kepada prinsip-prinsip BN", katanya.

Bagaimanapun Dr Ling enggan mengulas ketika ditanya sama ada MCA sudah mempunyai calon bagi jawatan Ketua Menteri jika keputusan bagi jawatan itu menyebelahi MCA.

(Pemimpin dari MCA Tan Sri Wong Pow Nee pernah menjadi Ketua Menteri Pulau Pinang sebelum jawatan itu dipegang Tun Dr Lim Chong Eu daripada Gerakan).

"Semuanya terletak kepada keputusan pucuk pimpinan BN kerana MCA tidak akan mempertikaikannya...tak payah berhujah mengenai perkara itu di luar keluarga BN," katanya.

Mengenai perkembangan yang berlaku dalam Gerakan, Dr Ling berkata beliau dukacita dengan tindakan kedua-dua Adun itu dan meminta media massa supaya tidak membuat spekulasi bahawa ia membabitkan MCA kerana perkara seperti itu tidak sihat.

Bagaimanapun, MCA, katanya, sedia memberi pertimbangan wajar sekiranya mereka memohon menyertai parti itu bagi mengelakkan Chien Aun dan Boo Chang menyertai parti pembangkang.

Beliau percaya tindakan seperti itu tidak akan menggugat kerjasama di kalangan anggota komponen BN kerana ia bukan satu perkara yang baru kerana pernah terjadi anggota BN "menukar bilik dalam rumah yang sama".

-- BERNAMA

TM/JM RON